

PERINTAH BIMBINGAN KELUARGA

di bawah Mahkamah Belia

PERKARA-PERKARA YANG PERLU



Kandungan

- 01 Pengenalan
- 02 Apa itu FGO?
- 03 Apa yang Anda Perlu Tahu Sebelum Memohon untuk FGO
- 03 Bilakah Mahkamah Belia akan membuat FGO?
- 04 Bagaimana cara memohon untuk FGO
- 05 Apa yang akan berlaku di Mahkamah?
- 06 Apa yang akan terjadi jika Anak Anda Tidak Mematuhi FGO
- 07 Bagaimana Anda Dapat Membantu Anak Anda
- 08 Maklumat Berguna

Penafian

- Penerbitan ini meliputi Perintah Bimbingan Keluarga sebagai maklumat am sahaja. Ia bukan bertujuan sebagai nasihat guaman.
- Jika anda memerlukan nasihat guaman, sila hubungi mana-mana peguam.
- Pihak penerbit tidak bertanggungjawab ke atas sebarang dan kesemua liabiliti yang terbit daripada dan berhubung dengan isi kandungan risalah ini.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web di www.familyjusticecourts.gov.sg (atau kod QR).



Pengenalan

Ibu bapa atau penjaga bagi anak atau orang muda (di bawah umur 16 tahun) yang memerlukan bimbingan boleh memohon untuk Perintah Bimbingan Keluarga (FGO). Jika anda ingin memohon, risalah ini akan menunjukkan cara-caranya.

Apa itu FGO?

FGO adalah perintah mahkamah bagi membantu ibu bapa dan penjaga yang mempunyai anak-anak atau orang muda di bawah umur 16 tahun untuk membimbing anak-anak mereka. FGO mengambil alih Perintah Di Luar Kawalan Ibu Bapa (BPC) yang kini bukan sahaja memberi tumpuan kepada tingkah laku anak-anak atau orang muda tetapi juga peranan pihak keluarga mereka.

Permohonan FGO didengar di Mahkamah Belia yang menangani kes-kes melibatkan kanak-kanak dan orang muda di bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (CYPA).



Apa yang Anda Perlu Tahu sebelum Anda Memohon untuk FGO

Ibu bapa dan penjaga seharusnya memohon untuk FGO sebagai usaha terakhir mereka. Sebelum membuat permohonan, ibu bapa dan penjaga digalakkan melakukan langkah berikut:



- A** Bercakaplah dengan guru, guru besar atau pihak berkuasa di sekolah untuk menanyakan tentang diri anak anda dan sokongan apakah yang perlu diberikan
- B** Dapatkan kaunseling kepakaran untuk diri anda dan/atau anak anda di sekolah, di Pusat Khidmat Keluarga atau agensi sosial yang lainnya
- C** Berjumpa dengan pakar psikologi atau psikiatri untuk diri anda dan/atau anak anda, jika perlu

Bilakah Mahkamah Belia akan membuat perintah FGO?

Mahkamah Belia hanya akan membuat perintah FGO jika keperluan-keperluan berikut dipenuhi:



- A** Anda sendiri tidak berdaya untuk membimbing anak anda dan ia perlu dibimbing oleh orang lain
- B** Anda dan anak anda telah selesai menjalani program kekeluargaan (melainkan Mahkamah anggap ia tidak perlu)
- C** Anda memahami perintah ini serta akibatnya dan anda bersetuju dengan perintah ini

Ibu bapa/penjaga sayugia diingatkan bahawa selepas permohonan untuk FGO dibuat di Mahkamah Belia, permohonan ini hanya boleh ditarik balik jika Mahkamah memberi izin

Bagaimana memohon untuk FGO

LANGKAH 1

Anda perlu menghantar permohonan anda secara dalam talian melalui <https://go.gov.sg/pre-fgo-registration>

Permohonan anda kemudiannya akan dihantar ke salah satu Agensi Perkhidmatan Sosial (SSA) yang dilantik:

- Persatuan Kanak-kanak Singapura
- Perkhidmatan Komuniti Epworth

SSA yang ditugaskan akan menghubungi anda dalam masa 2 hari bekerja untuk mengatur temu janji bagi temuduga saringan pra-FGO anda.

Sila bawa dokumen-dokumen berikut untuk pengesahan:

- Kad pengenalan anda
- Sijil Lahir dan kad pengenalan anak anda
- Perintah Mahkamah tentang hak kustodi, penjagaan dan kawalan, penjagaan atau pengambilan anak angkat
- Laporan Polis, jika ada



LANGKAH 2

Di agensi berkenaan, pegawai saringan akan menemu duga anda dan anak anda (jika ia hadir).

- Pegawai saringan akan menjelaskan tentang langkah-langkah yang anda perlu ambil. Anda dan anak anda mungkin dirujuk kepada mana-mana program kekeluargaan yang sesuai.



- Berdasarkan hasil daripada program tersebut, anda boleh pilih sama ada untuk meneruskan permohonan anda untuk FGO di mahkamah.



- Jika anak anda tidak berminat atau enggan menghadiri program kekeluargaan itu, pegawai saringan akan mendapatkan tarikh temu janji dari Mahkamah Belia supaya anda boleh membuat permohonan untuk FGO di Mahkamah.

Apa yang Berlaku di Mahkamah?

Setelah permohonan FGO dibuat, Hakim boleh memberi perintah agar anda dan/atau anak anda menghadiri/menyelesaikan program kekeluargaan.

Hakim boleh meminta Laporan Sosial berkenaan anak anda disiapkan sebelum menentukan FGO apakah yang sesuai. Sementara Laporan disiapkan, anak anda boleh dikenakan perintah untuk tinggal dengan orang yang layak atau di sebuah tempat yang selamat.

Jika anak anda tidak hadir di Mahkamah, Waran Tangkap mungkin dikeluarkan ke atas anak anda.

Hakim Mahkamah Belia akan menimbang isi kandungan Laporan Sosial dan berbincang dengan dua ahli Panel Penasihat (mereka adalah individu dalam masyarakat yang berpengalaman luas tentang kanak-kanak dan belia-belia dan mereka dilantik oleh Presiden Singapura). Jika Hakim berpuas hati dengan syarat-syarat yang dikenakan, anak anda mungkin:



- Dihantar ke tempat yang selamat sehingga tiga tahun
- Diperintahkan tinggal dengan orang yang layak sehingga tiga tahun
- Dikenakan penyeliaan berkanun yang diluluskan oleh pegawai kebajikan sehingga tiga tahun
- Diperintahkan menjalani kaunseling, psikoterapi atau apa-apa penilaian, program atau rawatan. Anda juga boleh dikenakan perintah untuk menghadiri kegiatan di atas bersama anak anda



Apa yang Akan Terjadi jika Anak Anda Tidak Patuh Perintah FGO?

Jika anak anda tidak mematuhi semua perintah dalam FGO, pegawai kebajikan yang mengendalikan kes anak anda boleh mengambil tindakan terhadap anak anda di Mahkamah Belia kerana melanggar perintah.

Anak anda mungkin direman di Singapore Boys' Home atau di Singapore Girls' Home sementara menunggu laporan selanjutnya disiapkan. Hakim akan menimbangkan laporan tersebut untuk memutuskan perintah selanjutnya ke atas anak anda.



Bagaimana Anda Dapat Membantu Anak Anda

Langkah-langkah yang dikenakan dalam perintah FGO boleh membuat anda dan anak anda rasa tertekan. Hubungan anda juga boleh terjejas tetapi anda perlu terus membimbing anak anda semasa tempoh ini:



Pastikan anak anda patuhi perintah yang disebutkan dalam FGO – kemajuan mereka bergantung pada perintah ini



Bekerjasama dengan pegawai kes anak anda – mereka perlu dibantu untuk membantu anak anda



Menghadiri kaunseling – mengatasi bersama isu-isu rumit sebagai satu keluarga



Menghadiri bengkel keibubapaan – memperbaiki cara anda berinteraksi dengan anak anda



Peka terhadap keperluan anak anda – mendengar rintihan anak anda secara terbuka

Maklumat Berguna

Temu janji bagi saringan untuk FGO:

Singapore Children's Society

Nombor untuk menghubungi: 6253 1124

E-mel: pcs@childrensociety.org.sg

Laman Web: www.childrensociety.org.sg



Epworth Community Services

Nombor untuk menghubungi: 6715 3732

E-mel: fgoscreening@epworth.sg

Laman Web: www.epworth.sg



Family Service Centres (FSC)

<https://www.msf.gov.sg/dfcs/familyservice/default.aspx>



Social Service Agencies (SSA)

<https://www.ncss.gov.sg/navigator>



Nasihat Guaman

Jika anda perlukan nasihat guaman, anda boleh berjumpa pihak-pihak berikut:

- Biro Bantuan Guaman (Legal Aid),
- Community Justice Centre, atau Klinik Guaman di Mahkamah Negara.

Sepintas Lalu Istilah yang digunakan

Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (CYPA): Ia adalah suatu perundangan utama yang menjamin kebajikan, penjagaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan orang muda.



Pegawai Saringan: Pegawai yang membimbing ibu bapa dan anak-anak mereka melalui proses saringan permohonan untuk FGO di Singapore Children's Society (Persatuan Kanak-Kanak Singapura) atau di Epworth Community Services (Khidmat Masyarakat Epworth).

Laporan Sosial: Ia adalah laporan berkenaan latar belakang keluarga, kelakuan, rekod sekolah, sejarah kesihatan dan taraf kemajuan kanak-kanak tersebut.

Pegawai Kebajikan: Pegawai yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) untuk menjalankan siasatan, penilaian dan penyeliaan ke atas kanak-kanak tersebut.

